



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammed sedang menyaksikan kereta baru jenis 'Subaru' yang baru di per-

kenalkan di negara ini. Di belakang beliau ialah Menteri Pertahanan, Datuk Amar Haji Taib Mahmud. — Gambar BH oleh Mohd. Ariff.

## Dr M. yakin syarikat2 asing akan melabur di Malaysia

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohammed yakin syarikat-syarikat asing akan memandang Malaysia sebagai sumber pelaburan dan pengeluaran memandangkan keteguhan ekonomi, kesetabilan politik dan kos pengeluaran yang rendah di negara ini.

Katanya, dengan cara ini Malaysia akan dapat mengimbangkan kegiatan perdagangan dan peniagaan yang terdapat di negara ini hasil kerjasama syarikat-syarikat asing itu.

Bellau berkata, pelabur-pelabur asing yang melaburkan modal di negara ini tidak akan rugi kerana hasil pengeluaran mereka bukan saja dapat dieksport ke negara-negara Asean tapi juga lain-lain negara seperti Jepun dan Eropah.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan kereta baru jenis Subaru keluaran syarikat Wira Wearne Malaysia iaitu syarikat usahasama Koperasi Tentera dengan Wearne Brothers di sini, malam ini.

Hadir sama di upacara tersebut ialah Menteri Pertahanan, Datuk Amar Haji Taib Mahmud dan Duta Jepun ke Malaysia, Tan Sri E. Hara.

Bellau berkata, dengan tertubuhnya syarikat kerjasama itu membuktikan satu lagi kemajuan penyertaan Bumiputera di lapangan perusahaan kereta.

Katanya, semasa lawatan beliau ke Jepun baru-baru ini beliau

telah memberitahu pelabur-pelabur Jepun mengenai iklim dan keteguhan ekonomi Malaysia.

Bellau juga telah menjelaskan mengenai Dasar Ekonomi Baru negara ini dan betapa pentingnya pelaburan asing untuk meninggikan taraf ekonomi negara ini.

Bellau berharap, syarikat Wira Wearne Malaysia itu akan dapat memberi peluang pekerjaan dan mendapat keuntungan berlipat ganda.

Sebelum itu, Pengerusi Wira Wearne Malaysia Sd. Berhad, Brig. Jen. Yaakob Mohd Zain berkata, syarikat tersebut telah ditubuhkan pada bulan Februari tahun ini di mana pihak Koperasi Tentera mempunyai saham 60 peratus dan Wearne Brothers 40 peratus.

### Kebenaran

Katanya, syarikat tersebut telah diberi kebenaran untuk mengimport, memasang dan mengedar kereta Jenis Subaru dari Fuji Heavy Industries dari Jepun.

"Kami berasa gembira kerana pihak Koperasi dapat menjalankan perniagaan secara usaha sama dengan sebuah syarikat kenderaan yang terkenal dan ditubuhkan sejak tahun 1910," katanya lagi.

Bellau berkata, hasil kerjasama seperti ini pihak Koperasi Tentera akan dapat menampung lebih banyak pekerjaan kepada sejumlah besar lepasan-lepasan tentera di masa depan.

Kereta Subaru yang dilancarkan itu berharga \$14,485 dan mempunyai kekuatan enjin 1600 cc.